

**Pemuda Umno Tawau Gesa Pihak Berkuasa Ketat Kawalan Masuk Mercun
Bernama
7 Ogos, 2012**

TAWAU, 7 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Tawau menggesa pihak berkuasa supaya memperketatkan kawalan penyeludupan masuk mercun dan bunga api ke daerah itu yang dipercayai dari luar negara.

Ketuanya Ariffin Kassim berkata kawalan lebih ketat itu perlu kerana difahamkan kebakaran malam tadi yang memusnahkan 11 buah rumah dan sebuah kereta di Kg Kurnia Jaya, berpunca daripada bahan larangan berkenaan.

"Saya mendapat tahu bahawa ada pihak yang menjual mercun dan bunga api di daerah ini secara gelap. Saya berharap aktiviti itu dapat dibanteras habis-habisan oleh pihak berkuasa," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kg Kurnia Jaya, di sini Selasa.

Menurut Ariffin mercun dan bunga api jika tidak dibendung bukan sahaja membahayakan individu yang bermain bahan larangan itu tetapi turut membahayakan keselamatan nyawa dan harta benda masyarakat lain.

Katanya adalah lebih baik membanteras kemasukan mercun dan bunga api itu ke Tawau daripada menunggu sehingga ada insiden tidak diingini berlaku.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686233>

